

**Taktik 'psiko' DAP hentam UMNO**  
**Utusan Online**  
**01 Mac, 2012**  
**Oleh ZULKIFLI JALIL**

DI atas meja pejabat Datuk Zainal Abidin Osman di Pusat Khidmat BN Nibong Tebal minggu lepas masih tersusun rapi beberapa potret isterinya, Allahyarham Datin Shazarina Shamsuddin. Arwah yang baru berusia 46 tahun menyahut panggilan illahi lebih setahun lalu pada tanggal 22 Disember 2010 akibat barah hati dan paru-paru.

Sejak itu rutin seharian Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang ini banyak berubah. Selain tumpuan buat empat orang anak yang masih memerlukan perhatiannya, masanya kini lebih banyak tertumpu kepada politik.

Rutin Zainal Abidin, 51, sekarang adalah Nibong Tebal-Kuala Lumpur-Nibong Tebal, yakni menguruskan hal-hal parti dan menjaga kawasan pengundinya di Seberang Perai Selatan itu.

Beliau ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Nibong Tebal, Khamis lalu mengakui tanggungjawab yang dipikulnya ketika ini amat berat. Iaitu bukan sahaja mengembalikan semula Pulau Pinang ke pangkuan BN tetapi lebih daripada itu - mendepani cabaran getir DAP yang kelihatan amat gemar sekali menabur sentimen kebencian dan kecelaruan dalam kalangan sebilangan rakyat Pulau Pinang terutama masyarakat Tionghua supaya membenci UMNO.

Suatu ketika sedang berjalan di sebuah pasar malam di Pulau Pinang yang turut dimeriahkan dengan satu ceramah parti pembangkang, Zainal Abidin cuba mendengarnya.

"Daripada percakapan si pemberi ucapan memang dalam bahasa yang saya tidak faham. Tetapi kemudian dia seakan-akan menjerit lantang, hadirin pun menepuk-nepuk tangan, gamat sekali dan dari hati kecil saya merasakan kandungan ucapan itu semacam membidas dan menghina UMNO.

"Inilah modal yang ditanam DAP terhadap rakyat Pulau Pinang... asal buka mulut sahaja hentam UMNO. Buat sidang akhbar sahaja hentam UMNO dengan matlamat orang akan meluat terhadap UMNO," kata beliau.

Tambah menyedihkan Zainal Abidin ialah ternampak akan strategi licik DAP itu berjaya menanam rasa kebencian yang teramat dalam kalangan penyokong Pas dan PKR supaya membenci UMNO, tanpa alasan munasabah.

Tambah pelik lagi apabila Pas dan PKR mendewa-dewakan pula Ketua Menteri, Lim Guan Eng dengan panggilan Khalifah Umar Abdul Aziz. Sedangkan kata beliau, maklumat yang diperoleh daripada orang Melayu yang bekerja dengan DAP ialah apabila tiba soal menolong bumiputera, ia lebih gemar meletakkan orang Melayu paling kurang keutamaannya berbanding kaum lain.

Pernah suatu ketika Zainal Abidin dibisikkan oleh seseorang yang melihat Pulau Pinang sebagai negeri yang paling teruk kekalahan dialami BN. Atas sebab untuk 'mengajar' pentadbiran Guan Eng dan memastikan rakyat akhirnya memahami erti 'kehilangan BN' , maka disyorkan supaya didesak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak membatalkan penyaluran peruntukan untuk pembangunan prasarana dan bermacam-macam lagi kemudahan di Pulau Pinang.

Tetapi idea ini tidak dilayan. Sebaliknya sejak 2008 lagi selepas Pulau Pinang jatuh ke tangan DAP, Kerajaan Pusat membelanja dan memberi komitmen menyalurkan perbelanjaan berjumlah RM22.5 bilion kepada negeri yang mendapat jolokan Pulau Mutiara ini.

Antaranya, projek-projek di bawah RMK-9 dengan sumbangan Pusat RM4 bilion, fasa pertama RMK-10 pula bernilai RM1 bilion, pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang (RM4.5 bilion), landasan kereta api berkembar KTM (RM2.7 bilion), Empangan Mengkuang (RM1.2 bilion), pembesaran lapangan terbang (RM0.3 bilion), pembesaran Jambatan Pulau Pinang sedia ada (RM0.4 bilion) dan pembinaan jeti-jeti dan dewan masyarakat (RM250 juta).

"Itulah kebijaksanaan Perdana Menteri yang membuang sepenuhnya 'perasaan' mahu 'mendera' itu. Namun, kalau difikirkan soal politik, Perdana Menteri nak dera pun boleh tapi beliau tidak buat meskipun ramai mendesak," katanya.

Zainal Abidin menarik perhatian bahawa limpahan pembangunan yang dicernakan BN di Pulau Pinang inilah yang didakwa DAP sebagai 'hasil pentadbirannya' yang seolah-olah parti itu memiliki 'tongkat sakti'.

Sebelum mengakhiri pertemuan itu, Zainal Abidin melontarkan satu analogi yang berkaitan pentadbiran kerajaan DAP Pulau Pinang.

Sekarang, kata beliau, sudah tersedia hasil buah yang ranum daripada pokok-pokok yang ditanam dari era BN.

"Cuma yang saya kawatir ialah hasil pokok berkenaan akan merugikan rakyat Pulau Pinang sebab kalau kita (BN) perintah, kita boleh tanam balik pokok-pokok itu, cuma kita takut pokok yang ditanam ini hanya buah-buah untuk orang tertentu sahaja," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0301&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_06.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0301&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_06.htm)